



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 24 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	KUPANG PORT DICKSON MASIH BERTOKSIN, TAK SELAMAT DIMAKAN, NASIONAL, SH -19 LARANGAN AMBIL CENGERANG MASIH DIKUATKUASAKAN: DOF, LOKAL, HM -13 KUPANG PORT DICKSON MASIH TOKSIN, NEGARA, KOSMO -13 RAMPASAN OP KHAS PAGAR LAUT RM9 JUTA, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	FAMA RAI ANAK YATIM, ASNAF, KOMUNITI KITA, UM -28 FAMA PASTIKAN PENGGUNA MUDAH DAPAT BAWANG MERAH TEMAPATAN, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	LPP LANCAR PPBPT, BANTU TANGANI ISU BEKALAN BERAS, NASIONAL, SH -21	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8.	KOPERASI THAILAND, KEMBOJA TAWAR IMPORT BERAS GRED TINGGI, DALAM NEGERI, UM -9	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Kupang Port Dickson masih bertoksin, tak selamat dimakan

SEREMBAN - Analisis makmal terhadap sampel ketiga kupang dan air yang diambil dari perairan Port Dickson masih mengesan wujudnya biotoksin berbahaya.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, berikutan itu larangan terhadap pengambilan kerang di perairan Port Dickson masih dikuatkuasakan demi keselamatan pengguna.

"Sampel ketiga sudah dianalisis di Makmal Biosekuriti Kuala Lumpur dan mendapati masih terdapat biotoksin melebihi dari kadar selamat.

"Sampel keempat sudah diambil sekali lagi di perairan Port Dickson dan dihantar ke makmal pada Isnin," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Menurutnya, keputusan analisis makmal dijangka diketahui pada Jumaat ini.

Sementara itu, beliau berkata, secara keseluruhan kadar biotoksin dikesan dalam sampel ketiga berkurangan ber-

banding sampel kedua.

"Satu lokasi sampel diambil masih melebihi tahap selamat biotoksin dan satu tempat sudah kurang," katanya.

Ujar Kasim, pemantauan di lapangan menunjukkan penternak dan peniaga mematuhi larangan penjualan dengan baik.

"Pihak jabatan dengan kerjasama Persatuan Nelayan terus memantau rapat berkenaan isu berkenaan," katanya.

Terdahulu pada 4 April lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Aznan Abdullah berkata, hasil analisis makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur mendapati terdapat alga berbahaya menyebabkan kupang di perairan Port Dickson dicemari dan tidak selamat dimakan.

Beliau berkata, sampel air dan kupang di perairan tersebut dicemari biotoksin serta alga spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* berbahaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	13

Seremban: Larangan terhadap pengambilan kerang-kerangan (dwicengkerang) dari perairan Port Dickson di sini masih lagi dikuatkuasakan demi keselamatan pengguna, kata Pengarah Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Sembilan Kasim Tawe.

Beliau berkata ini berikutan sampel ketiga kupang dan air dari perairan berkenaan yang dianalisis di makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur (PBPKL) mendapati masih terdapat biotoksin melebihi kadar se-

Larangan ambil cengkerang masih dikuatkuasakan: DOF

lamat untuk dimakan.

“Sampel keempat kupang dan air diambil sekali lagi di perairan Port Dickson dan telah dihantar ke makmal PBPKL semalam dan dijangka keputusan analisis makmal akan diketahui pada 26 April

nanti,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Pada 4 April lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) DOF Wan Aznan Abdullah dilaporkan berkata hasil analisis mak-

mal PBPKL mendapati terdapat alga berbahaya yang menyebabkan kupang di perairan Port Dickson dicemari dan tidak selamat dimakan.

Beliau berkata sampel air dan kupang di perairan tersebut dicemari biotoksin serta alga spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* berbahaya.

“
Sampel
keempat
kupang dan air
diambil sekali
lagi
Kasim

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2024	KOSMO	NEGARA	13

Sampel ketiga terdapat biotoksin lebih daripada kadar selamat

Kupang Port Dickson masih toksin

Oleh NOR AINNA HAMZAH

SEREMBAN – Sampel ketiga kupang dari perairan Port Dickson khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang, di sini masih dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

Pengaruh Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, hasil analisis di Makmal Biosekuriti Kuala Lumpur pada sampel ketiga itu masih terdapat biotoksin melebihi dari kadar yang selamat.

"Oleh itu larangan terhadap pengambilan kerang-kerangan (dwicenkerang) masih lagi dikuatkuasakan demi keselamatan pengguna.

"Sampel keempat (kupang dan air) telah diambil sekali lagi di perairan Port Dickson dan telah dihantar ke Makmal Biosekuriti Kuala Lumpur semalam dan dijangka keputusan analisis makmal diketahuhi pada 26 April ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Pada 4 April lalu, media me-



KUPANG dari perairan Port Dickson khususnya di **Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang** masih dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan. – GAMBAR HIASAN

laporkan hasil analisis yang dijalankan mendapati terdapat tiga alga berbahaya iaitu spesies *Procentrum*, *Alexandrium* serta *Pseudonitzschia*.

Media sebelum ini melaporkan, lapan individu terpaksa dimasukkan ke hospital dengan dua daripadanya dirawat di unit rawatan rapi (ICU) selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua buah pasar di sekitar daerah Port Dickson.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) DOF, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, keputusan itu diperolehi dari analisis makmal yang dijalankan oleh makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur.

Menurut beliau, pihaknya akan membuat pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut Prosedur Koperasi Standard (SOP) yang ditetapkan sehingga kepadatan sel di dalam air berkurangan dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan.



OP Khas Pagar Laut menumpukan kepada semua aktiviti jenayah rentas sempadan. - GAMBAR HIASAN

55 tangkapan melibatkan 121 kes pelbagai kesalahan

Rampasan Op Khas Pagar Laut RM9 juta

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Op Khas Pagar Laut Fasa Tiga yang berakhir pada 16 April lalu mencatatkan kejayaan sebanyak 55 tangkapan dengan melibatkan 121 kes pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan hampir RM9 juta.

Pemangku Ketua Pengarah Maritim Malaysia (APMM), Lakamana Madya Maritim Datuk Saiful Lizan Ibrahim berkata, antara ditahan melibatkan 37 kes di bawah Akta Perikanan 1985 selain tiga kes Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, ia juga melibatkan sembilan kes Akta Imigresen

1959/63, tiga kes Akta Kastam 1967, tujuh kes Ordinan Pertapaan Saudagar 1952 dan lapan kes Enakmen Pelabuhan dan Derma- ga Sabah 2002.

Jelasnya, tangkapan itu turut melibatkan satu kes masing-masing di bawah Kanun Ke-seksaan dan Akta Kawalan Padi Beras.

"Berdasarkan jumlah itu, keseluruhan tangkapan berjaya dibuat sempena Op Khas Pagar Laut 1/2024 adalah sebanyak 121 kes dengan anggaran nilai rampasan hampir RM9 juta.

"Operasi itu diteruskan bagi fasa empat iaitu dari 17 April sehinggalah 30 April ini dengan me-

ngukuhkan kawalan keselamatan di laut terutamanya di setiap titik panas seluruh negara selepas sambutan Aidilfitri.

"Ia dengan menumpukan kepada semua aktiviti jenayah rentas sempadan terutama kes melibatn pendatang asing tanpa izin, penyeludupan kontraband serta penyeludupan barang-barang kawalan di sempadan perairan seluruh negara," katanya semalam.

Tambahnya, APMM tidak akan 'mengendurkan' kesiapsiagaan operasi pada musim perayaan bagi mengekang dan memerangi aktiviti jenayah rentas sempadan di perairan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	28

FAMA rai anak yatim, asnaf

KIRA-KIRA 25 kanak-kanak daripada Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Asnaf Baitun Nurawdah diberi sumbangan duit raya bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri di Majlis Semarak Kasih Aidilfitri Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersama Usahawan 2024, di FAMA Point, Kuala Lumpur.

Sumbangan itu diserahkan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Selain itu, FAMA turut menyediakan pelbagai aneka juadah bagi meraikan tetamu-tetamu yang hadir ke majlis

tersebut.

Turut hadir, Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri dan barisan pimpinan lain serta Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman.

■ MOHAMAD Sabu (tengah) bersama Pengerusi FAMA, Amiruddin Zulkipli (baju biru) dan Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri hadir pada majlis memberi sumbangan kepada anak-anak yatim Baitul Nurawdah Keramat sempena Majlis Semarak Kasih Aidilfitri FAMA.
- UTUSAN/MOHD FIRDAUS MOHD JOHARI



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Fama pastikan pengguna mudah dapat bawang merah tempatan



KUALA LUMPUR - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memainkan peranan proaktif dalam memastikan bekalan bawang merah tempatan dapat diperolehi dengan mudah oleh pengguna menerusi outlet pemasaran FAMA di seluruh negara.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata untuk itu, satu program intervensi yang memberi tumpuan kepada

pemasaran bawang merah tempatan yang ditanam di kawasan ditentukan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melibatkan 40 pusat operasi FAMA dilaksanakan menerusi pelbagai program antaranya Jualan Agro MADANI, outlet pemasaran KPKM dan jualan portal Agrobazaar Online.

"Pada peringkat permulaan ini, FAMA telah menyasarkan jualan bawang tempatan itu melalui promosi Kombo Madani sempena program Jualan Agro Madani yang akan diadakan di 5,000 lokasi seluruh negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak 416 outlet pemasaran FAMA juga bersedia memastikan bekalan komoditi berkenaan dapat diperolehi dan selain menjangkakan komoditi itu akan meningkat pada penghujung tahun ini, selaras dengan peningkatan tanaman bawang tempatan di seluruh negara.

Abdul Rashid berkata, usaha KPKM terhadap penanaman bawang merah tempatan akan meningkatkan lagi bekalan bawang di pasaran, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import pada masa hadapan. - Bernama

Sokong usaha KPM stabilkan bekalan beras putih tempatan

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melancarkan program Sokong Usaha KPM (SUK) dan Program Paksi Beras Putih Tempatan (PKBPT) sebagai langkah jangka pendek untuk mengawal isu kekurangan bekalan beras di pasaran tempatan. Bagi menyokong usaha berkenaan, lambaga Pertubuhan Peladang (LPP) mengambil bahagian penting dalam memastikan aktiviti pengedaran bekalan makanan itu. Pendekatan tersebut difokuskan Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar, yang mana ia melibatkan pelaksanaan Program Pengedaran Beras Putih Tempatan (PPPT) dan Program Peranan aktif Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasaan (PPK) yang beroperasi di seluruh Malaysia.

"Program ini akan melibatkan lebih daripada 100 pertubuhan Peladang (PP), belia, dan sukarelawan di luar negara. Program ini akan dilaksanakan di seluruh negara, termasuk di kawasan PP dan Kadal Peladang," katanya kepada pemberita semasa program sambutan seramai 100 orang di pejabatnya di Kompleks Pejabat Agribisnes di Menara LPP di sini pada Selasa.

Menurut Mahfuz, bermula Mac 2024, kuota bekalan beras putih tempatan kepada LPP telah meningkat kepada 2,500 metrik tan berbanding 2,000 metrik tan pada tahun 2023. "Sehingga 22 April 2024, sebanyak 519.36 metrik tan beras (51,936 kampak) telah dibuat agihan dengan nilai kos belian RM1.324 juta.

"Pada tahun 2023, sebanyak 2,101 metrik tan beras putih tempatan telah dibuat agihan dengan nilai kos belian RM5.537 juta," ujar beliau.

LPP lancar PPBPT, bantu tangani isu bekalan beras

FOTO: ARIAN, JOMOKSI SUKSES



Kekelangan beras tempatan akan ditangani dengan melaksanakan sambutan rumah raya Hari Raya Aidilfitri di Menara LPP pada 10 Mei ini. Foto: Arian, Jomoksi Sukses



Kawalan harga benth padi

Dalam perkembangan berkaitan, Mahfuz memberitahu pihaknya, menyumbang kepada kestabilan kawalan harga maksimum beras tempatan di peringkat nasional dan di bawah Program Insentif Beris Padi Sah Kerajaan (IBPS).

Menurutnya, kawalan harga itu sejajar dengan Resolusi Sekututu Malaysia Negara yang dipersetujui pada 11 Januari 2024.

"Resolusi tersebut iaitu mencari jalan penyelesaian atau cadangan kepada pemerkasan benth padi sah dan padi negara adalah berfaedah dan mencukupi," katanya.

Pada masa sama, beliau menyatakan



Orang ramai memeriahkan sambutan rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri LPP di Menara LPP, Kuala Lumpur pada Selasa.

pembentangan Belanjawan 2024 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk meningkatkan harga lantak belian padi beras daripada RM1,200 kepada RM1,300 per tan metrik telah memberi impak kepada kenaikan harga beras tempatan.

Bigamainapin, beliau mengingkatkan para pengusaha beras bawah Saesyen 5, Akta Kawalan Padi dan Beras 1944 (Akta 522) menetapkan bahawa maklumat berkaitan dengan harga hendaklah dipaparkan dengan jelas pada pesawah, manakala penjualan benth padi dan racun bagi varieti CL220 yang mana ia perlu dijual secara bersaingan.

Justeru itu, harga benth padi sah CL220 putih dijual dengan harga RM1,300 per tan metrik dengan pemborosan dan RM458 di peringkat peruncit," jelasnya.

Jualan Agro Madani LPP Berkenaan pelaksanaan Jualan Agro Madani LPP, beliau berkata, program itu merupakan pendekatan quick win KPM dalam membantu pengeluar memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna. "Pada masa sama, ia dapat memberi impak kepada kestabilan harga beras tempatan yang ditawarkan," ujarnya.

Untuk tahun ini, beliau berkata, LPP menasihatkan pelaksanaan 78 Jualan Agro Madani. "Sehingga 22 April 2024, sebanyak 114 jualan telah dilaksanakan dengan nilai jualan sebanyak RM1,094 juta dengan peningkatan sebanyak RM136,741," kata beliau.

Pada tahun 2023, sebanyak 114 program Jualan Agro Madani telah dilaksanakan dengan nilai jualan sebanyak RM970 juta dan peningkatan sebanyak RM470,000. "Bilangan usahawan terlibat adalah seramai 954 orang dan anggaran pengunjungan menecah 250,000 orang," kata beliau.



Orang ramai memeriahkan sambutan rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri LPP di Menara LPP, Kuala Lumpur pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Koperasi Thailand, Kemboja tawar import beras gred tinggi

Oleh HAFIZ SAIDINA
hafiz.unor@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Koperasi di Thailand dan Kemboja menawarkan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) untuk membeli beras gred tinggi yang diusahakan oleh petani-petani di negara tersebut.

Sehubungan itu, Angkasa perlu mendapatkan lesen konsesi beras daripada kerajaan atau meminjam lesen tersebut bagi menjayakan langkah itu.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, Liga Koperasi Thailand (CLT) dan Koperasi di Kemboja sedia untuk mengeksport beras dari negara itu bagi menampung beras tempatan.

"Ini kerana Malaysia memerlukan hampir 40 peratus beras import bagi menampung keperluan beras tempatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu *Utusan Malaysia* melaporkan, Angkasa menawarkan diri untuk membantu kerajaan menyelesaikan masalah kekurangan bekalan beras yang meruncing ketika ini.

Angkasa yang juga berada



Liga Koperasi Thailand (CLT) dan Koperasi di Kemboja sedia untuk mengeksport beras dari negara itu bagi menampung beras tempatan."

ABDUL FATTAH ABDULLAH

Pada awal tahun ini, Angkasa menghadiri mesyuarat Pejabat Pemiagaan Asia Pasifik di Thailand yang memberikan peluang kepada kerajaan berunding dengan menteri koperasi Thailand berkaitan perkara ini.

Abdul Fattah berkata, kerjasama antara koperasi-koperasi ini adalah untuk menjaga kepentingan ahli koperasi kedua-dua belah pihak.

"Kerajaan sepatutnya memberi ruang kepada Angkasa dan bersama-sama gerakan koperasi untuk membantu sebanyak tujuh juta ahlinya," katanya.

KOPERASI di Thailand dan Kemboja sedia tawar beras dari negara mereka untuk tampung keperluan beras tempatan.

di dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) boleh bekerjasama dengan rangkaian koperasi antarabangsa terutama dari negara jiran serta menjadi pengimport bahan itu.